

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 9

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- a) pelan holistik Kementerian untuk mengurangkan jumlah penghidap obesiti; dan
- b) keberkesanan pengenalan cukai gula terhadap golongan sasaran sejak 1 Julai 2019 dalam mengubah tabiat pemakanan serta penyerapan hasil cukai ke dalam biaya program makanan percuma di sekolah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kerajaan sangat prihatin terhadap masalah obesiti yang semakin meningkat di kalangan rakyat Malaysia. Sehubungan itu, beberapa pelan tindakan jangka panjang telah dibentuk bagi menangani masalah ini iaitu Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia III (*National Plan of Action for Nutrition Malaysia*, NPANM III) (2016-2025), Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit (2016-2025) dan Pelan Strategik Aktiviti Fizikal Kebangsaan (2017-2025) yang menjurus kepada usaha mengurangkan jumlah pengidap obesity. Satu jawatankuasa khas

SOALAN NO: 9

juga telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Menangani Masalah Obesiti yang telah ditubuhkan pada tahun 2014. Hasil kerja daripada Jawatankuasa tersebut, sebanyak 48 polisi telah digariskan dan akan dilaksanakan secara berfasa dalam masa 10 tahun (2016-2025). Sebagai contoh, pengenaan cukai eksais ke atas minuman manis bergula telah dilaksanakan bermula Julai 2019.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kesan pelaksanaan pengenaan cukai eksais ke atas minuman manis bergula tidak dapat dilihat pada masa ini memandangkan ianya baru sahaja dilaksanakan selama dua (2) bulan. Walau bagaimanapun, kesan terhadap reformulasi kandungan gula dalam produk minuman oleh syarikat-syarikat pengeluar minuman dapat dilihat. Data terkini menunjukkan sebanyak 17 syarikat pengeluar minuman telah membuat reformulasi yang melibatkan 83 jenis produk minuman manis. Bagi melihat keberkesanan pengenalan cukai gula dalam mengubah tabiat pemakanan rakyat Malaysia pula, pada tahun 2021, KKM bercadang untuk menjalankan kajian keberkesanan pelaksanaan cukai eksais ini selepas 2 tahun pelaksanaannya dengan kerjasama *World Health Organization* (WHO) Malaysia.

Berdasarkan makluman daripada pihak Kementerian Kewangan Malaysia, selaras dengan Perkara 97, Perlembagaan Persekutuan, jumlah kutipan hasil daripada duti eksais minuman bergula akan disatukan dalam Kumpulan Wang Disatukan. Peruntukan kepada Kementerian seterusnya akan ditentukan semasa proses penyediaan Belanjawan tahunan berdasarkan kepada keutamaan dan keperluan.

Sekian, terima kasih.